



## Sulh Norma Baharu: Aplikasi dalam Kes Mal di Mahkamah Syariah Negeri Selangor

### *The New Norm of Sulh: Its Application in Mal Cases in Selangor Syariah Courts*

## Undang-Undang Keluarga Islam

61

NUR ZULFAH MD ABDUL SALAM  
(Corresponding Author)  
NOOR SHAMIMI AFIKAH MOHAMMAD FADLI  
Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
nurzulfah@kuis.edu.my  
shamimiefikahmohdfadli98@gmail.com

Submitted: 12 March 2023  
Revised: 10 July 2023  
Accepted: 10 July 2023  
E-Published: 31 October 2023

#### ABSTRAK

Sulh norma baharu merupakan inisiatif yang di ambil oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri di Malaysia dalam memastikan proses Sulh dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Hal ini kerana kewujudan penyakit berjangkit Covid-19 telah mengakibatkan berlakunya lambakan kes Sulh tidak selesai. Keperluan Sulh yang memerlukan kehadiran pihak-pihak secara fizikal melalui prosiding bersemuka telah membataskan Majlis Sulh dilaksanakan ketika musim pandemik. Oleh yang demikian, Mahkamah Syariah telah menggubal tatacara pelaksanaan Sulh norma baharu melalui pelaksanaan Majlis Sulh secara dalam talian bagi mengelakkan penangguhan kes pihak-pihak. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kaedah temubual, teks penghakiman serta merujuk penulisan-penulisan ilmiah, jurnal dan buku yang berkaitan perbincangan. Hasil dapatan mendapati, pelaksanaan Sulh norma baharu telah diperkasakan oleh Mahkamah Syariah sepanjang musim pandemik tertakluk kepada prosedur, etika dan tatacara yang ditetapkan. Namun, Majlis Sulh dalam talian ini hanya akan dilakukan oleh mahkamah syariah sekiranya pihak-pihak dalam kes tersebut mempersetujui kaedah pengendalian Sulh dalam talian. Sekiranya salah satu pihak tidak bersetuju makanya Mahkamah Syariah tidak akan melaksanakan Majlis Sulh dalam talian. Ianya bagi mengelakkan wujudnya aduan dan ketidakpuasan dikalangan mana-mana pihak terhadap prosedur yang dijalankan. Walau bagaimanapun, juga kekangan dalam melancarkan perjalanan Sulh dalam talian tersebut. Sekiranya ianya tidak diatasi ia bakal mendatangkan rasa marah oleh pelanggan terhadap sistem kehakiman syarie. Antaranya, seperti pemakluman lebih awal kepada pelanggan berkenaan perkhidmatan Mahkamah Syariah dalam mengendalikan Sulh dalam talian, isu kerahsiaan dan persediaan Mahkamah Syariah sendiri dalam memastikan jaringan internet yang baik. Mahkamah Syariah masih mempunyai ruang dan cara tertentu memperbaiki dan





menambah baik kaedah perkhidmatan Sulh dalam talian ini supaya ianya dapat diperkasakan terus secara meluas tertakluk kepada kes-kes tertentu bukan hanya pada musim pandemik sahaja. Justeru, penglibatan Peguam Syarie juga mungkin boleh disarankan dan diselaraskan dengan keperluan bagi penglibatan bersama dalam Majlis Sulh bagi kes klien yang telah melantik peguam. Namun tugas Peguam Syarie dalam Majlis Sulh tersebut hendaklah diperincikan dan ditentukan dalam Arahan Amalan supaya tidak mengganggu tugas Pegawai Sulh sedia ada.

**Kata Kunci:** Sulh, Norma Baharu, Mahkamah Syariah, Pandemik, Sulh dalam Talian

### ABSTRACT

The new Sulh norm is an initiative taken by the Syariah Justice Departments of the states in Malaysia to ensure that the Sulh process can be carried out more effectively. This is due to the existence of the infectious disease Covid-19 which has resulted in the dumping of Sulh cases not being completed. The requirement of Sulh that need physical presence of parties has limited the Sulh Council to be implemented during the pandemic season. Thus, the Syariah Courts have enacted the new norm Sulh operating procedure through the implementation of the Sulh Council online to avoid delaying the cases for so long. This study uses qualitative methodology through interviews, text judgments as well as referring to scientific writings, journals and books related to the discussion. The results found that the implementation of the Sulh new norm has been empowered by the syariah courts throughout the pandemic season subject to the prescribed ethics and procedures. However, this online Sulh Council will only be conducted by the Syariah Courts if the parties in the case agree on the method of conducting. If one of the parties does not agree then the syariah court will not perform the online Sulh Council. This is to avoid the existence of complaints and dissatisfaction among any party towards the procedures carried out. Among them, such as prior notification to customers regarding the services of the Syariah Courts in conducting Sulh online, confidentiality issues and the preparation of the Syariah Courts itself in ensuring a good internet network. The Syariah Courts still have certain spaces and ways of improving the online Sulh service method so that it can be empowered directly subject to specific cases. Thus, the involvement of the Peguam Syarie may also be recommended and adjusted to the need for joint involvement in the Sulh Council for the case of the servant who has appointed a lawyer. However, the duties of the Peguam Syarie in the Sulh Council shall be detailed and determined in the Practice Directive so as not to interfere with the duties of the existing Sulh Officer.

**Keywords:** Sulh, New Norm, Syariah Courts, Pandemic, Online Sulh.

### PENDAHULUAN

Sulh merupakan salah satu kaedah yang lazimnya menjadi pilihan dalam menyelesaikan pertikaian isu kekeluargaan kerana ia melibatkan proses perundingan dipimpin dengan memberi peluang kepada pihak-pihak bertikai mencapai persetujuan bersama secara kerelaan sendiri tanpa campur tangan daripada pihak ketiga (Azidah Yaakob, Mohammad Zaharuddin Zakaria, &et.al, 2016). Pendekatan



Sulh ini tidak asing lagi bagi umat Islam kerana sering kali dicatatkan penggunaannya di dalam sorotan sirah perkembangan agama Islam dari dulu hingga kini. Terdapat banyak kaedah penyelesaian pertikaian masalah di dalam Islam yang sering digunapakai sejak dahulu seperti Sulh (negosiasi), *nasihah*, *qada'* (penghakiman), *tahkim* (timbangtara), *muhtasib*, fatwa dan *wali al-mazalim* (Syed Khalid Rashid, 2006). Walaubagaimanapun kertas kajian ini bertujuan untuk memperhalusi perkembangan aplikasi Sulh secara dalam talian atau lebih dikenali sebagai Sulh norma baharu. Sulh merupakan suatu usaha dalam mencari titik penyelesaian kepada konflik dan pertikaian yang sesuai dengan kehendak Islam sebagai suatu agama yang menggalakkan perdamaian. Permulaan Sulh norma baharu ini diperkenalkan oleh institusi kehakiman syariah di Malaysia sejak bermulanya era pandemik pada tahun 2020 ekoran negara dilanda wabak Covid-19.

Pelaksanaan Sulh di Mahkamah Syariah ini mengambil kira keselariannya dengan undang-undang Islam iaitu tidak ada kompromi dalam peraturan mentadbir Sulh dan undang-undang Islam terhadap aspek Huquq Allah (Hak Allah) yang termasuk hukuman hudud, zakat, kafarah, dan lain-lain. Sebarang usaha untuk melangkai peruntukan yang ditetapkan ini melalui penyelesaian bersama adalah berdosa dan tidak sah. Walau bagaimanapun, dalam Huquq Al Ibad (hak manusia), berkompromi dan perdamaian adalah digalakkan dalam pengamalan kaedah tersebut selagi ia adalah adil dan saksama serta tidak melanggar mana-mana peruntukan syariah. Terdapat ijma (kesepakatan) daripada ulama-ulama Islam menyatakan bahawa kaedah bertolak ansur adalah lebih baik kerana ia merupakan kaedah penyelesaian pertikaian ditentukan dengan cara yang betul (Ruzita Ramli & et al, 2004). Disinilah uniknya proses Sulh yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah, dimana Pegawai Sulh yang mengendalikan sesi Majlis Sulh perlu memainkan peranan bukan sekadar sebagai pengantara mencari titik solusi kepada pertikaian semata-mata, malah perannya adalah lebih luas iaitu perlu memastikan apa-apa persetujuan yang dicapai adalah selari dengan hukum syarak. Bagi Sulh norma baharu pula adalah pelaksanaan Majlis Sulh mengikut situasi pembudayaan norma baharu iaitu secara dalam talian. Definisi dalam talian yang boleh dilihat dalam Kamus Dewan Edisi Keempat adalah;

- i. Berada di bawah kawalan langsung unit pemprosesan utama komputer;
- ii. Berada dalam keadaan giat dan bersambung terus pada sistem utama komputer.

Justeru, berdasarkan definisi tersebut, perjalanan Sulh norma baharu yang dijalankan secara dalam talian ini menggunakan peranti atau sambungan komunikasi seperti zoom, skype, *google meet* dan sebagainya. Pihak yang terlibat iaitu; Pegawai Sulh, Plaintiff dan Defendan boleh bersidang secara dalam talian semasa prosiding Sulh berlangsung. Dalam situasi ini keberadaan secara fizikal di Mahkamah Syariah atau di Bilik Sulh tidaklah diperlukan. Cuma, kesemua pihak hanya perlu memastikan kestabilan data dan wifi adalah baik sepanjang prosiding berjalan.



Pelaksanaan Sulh norma baharu adalah bertepatan dengan kehendak dan peruntukan undang-undang sedia ada melalui dalam Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor (2022) dan Arahan-Arahan Amalan JKSM seperti Arahan Amalan JKSM No. 1/2000 (Kod Pendaftaran Kes), Arahan Amalan JKSM No. 3/2002 (Pemakaian Sulh), Arahan Amalan JKSM No. 7/2003 (Cara Menyimpan dan Melupuskan Catatan Pegawai Sulh), Arahan Amalan JKSM No. 8/2003 (Prosedur Penyerahan Notis Sulh), Arahan Amalan JKSM No. 11/2005 (Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah Merekodkan Sulh dan Persetujuan Bersama), Arahan Amalan JKSM No. 15/2005 (Menggugurkan Nafkah 'Iddah, Mut'ah, Nafkah Anak dan Hadhanah dalam Perjanjian Persetujuan), Arahan Amalan JKSM No. 4/2006 (Perintah Perjanjian Persetujuan Sulh), Arahan Amalan JKSM 1/2010 (Penentuan Kes Yang Perlu Dirujuk Ke Majlis Sulh Pada Peringkat Pendaftaran Kes), Arahan Amalan JKSM No. 4/2011 (Kesan Perjanjian Persetujuan Sulh), Arahan Amalan JKSM 2/2012 (Perjanjian Penyelesaian/ Persetujuan yang dibuat oleh Peguam Syarie atau Pihak-Pihak), Arahan Amalan JKSM 2/2012 (Perjanjian Penyelesaian/ Persetujuan yang dibuat oleh Peguam Syarie atau Pihak-Pihak), Arahan Amalan JKSM 7/2015 (Penyeragaman Proses Kerja Dan Carta Aliran Sulh), Arahan Amalan No. 2 Tahun 2021 Garis Panduan Pengendalian Kes Mal di Mahkamah Syariah melalui teknologi komunikasi jarak jauh dan Manual Kerja Sulh JKSM Tahun 2002.

Sulh di Mahkamah Syariah sejak dari awal pelaksanaan dilihat lebih mapan dan teratur kerana pelaksanaannya mendapat sokongan sepenuhnya daripada badan kehakiman Syariah itu sendiri ruang untuk berbincang melalui Sulh diberi pada mana-mana bahagian dalam prosiding sulh (Ruzita Ramli & et al, 2004). Namun, Sulh norma baharu ini terdapat juga beberapa kekangan-kekangan dalam pelaksanaan seperti menyesuaikan pihak-pihak dengan prosiding dalam talian, sumber wifi dan internet, kecekapan Pegawai Sulh dalam menghadapi gangguan talian dan kesediaan pihak-pihak itu sendiri untuk menyelesaikan kes Sulh secara dalam talian.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Sulh merupakan sebahagian daripada kaedah penyelesaian kes di Mahkamah Syariah pada awal tahun 2000 yang mana sistem Sulh mula diperkenalkan bermula di negeri Selangor kemudiannya diikuti di negeri-negeri lain. Namun begitu, ekoran situasi pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020, institusi kehakiman syariah telah pun melaksanakan Sulh norma baharu yang diadakan secara dalam talian dengan meluluskan garis panduan pelaksanaan Sulh dalam talian. Pandemik yang berterusan ini telah merencatkan perjalanan kes di Mahkamah Syariah. Ekoran dari banyak kes yang tertangguh maka Sulh norma baharu dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah lambakan kes serta meringankan kekusaran pelanggan Mahkamah Syariah yang inginkan kes mereka diputuskan segera. Mengikut amalan pelaksanaan Sulh sebelum ini, pertemuan pihak-pihak bersama Pegawai Sulh adalah secara fizikal dan melalui tiga sesi. Sulh norma baharu pula berkonsepkan perbincangan secara maya iaitu melalui dalam talian yang sudah



tentu mempunyai prosedur atau tatacara yang berbeza. Justeru, kajian ini meneliti berkenaan kaedah dan asas pelaksanaan Sulh norma baharu dan melihat statistik penerimaan pelanggan Mahkamah Syariah dalam pelaksanaan Sulh norma baharu ini.

## **SKOP DAN METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tinjauan yang melibatkan kajian kepustakaan melalui sumber-sumber atau penulisan berkaitan undang-undang dan perundangan Islam serta jurnal, teks penghakiman dan statut-statut berkaitan. Kajian ini menggunakan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Manual Kerja Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sebagai rujukan utama kerana hampir kebanyakan dapatan kajian adalah melalui kedua-dua sumber ini. Data temubual diperolehi dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Objektif kajian adalah mengenalpasti amalan pelaksanaan Sulh norma baharu atau juga dikenali sebagai *online* Sulh di Malaysia. Kebiasaannya kes-kes kekeluargaan Islam akan didahului dengan Majlis Sulh sebelum kes mula disebut dan dibicarakan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Konsep penyelesaian pertikaian di luar Mahkamah semakin hari semakin mendapat sambutan daripada masyarakat. Kaedah Sulh telah diperkenalkan di Negeri Selangor pada tahun 2001 di mana ianya mengutamakan instrumen penyelesaian pertikaian secara perdamaian. Kaedah ini merupakan alternatif kepada kaedah perbicaraan yang kebiasaannya memakan masa yang lama dan melibatkan kos yang tinggi. Kaedah Sulh boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk tetapi bergantung kepada tuntutan atau permohonan yang dibawa oleh pihak bertikai. Tuntutan atau permohonan yang dibuat mestilah melibatkan hak dan tanggungjawab dalam hal ehwal kekeluargaan Islam di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah (Siti Noraini Mohd Ali & Zulkifli Hasan, 2008).

Pegawai Sulh adalah pegawai yang dilantik sama ada melalui lantikan Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM) atau Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri untuk bertugas di Mahkamah Syariah bagi membantu menyelesaikan pertikaian melibatkan kes-kes dalam bidang kuasa mahkamah syariah. Kesemua pegawai Sulh mestilah memiliki kelulusan dalam bidang Perundangan/Syariah dan Undang-undang dan satu kelayakan tambahan iaitu Diploma Pentadbiran Kehakiman Syariah.

Antara tanggungjawab Pegawai Sulh ialah membantu Pendaftar dalam menjalankan runding cara atau Sulh selaras dengan kaedah Sulh dan menyediakan laporan Sulh untuk dikemukakan kepada hakim perbicaraan (Mohd Fuad, 2008). Pegawai Sulh hendaklah bersifat neutral bagi mencari kesepakatan menyelesaikan pertelingkahan (Nora Abdul Hak & et al, 2011) antara pihak-pihak dengan melihat kepada fakta-fakta material dalam kes tersebut. Seterusnya bagi memperhalusi gerak kerja dan peranan



yang dimainkan oleh Pegawai Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah memperkenalkan Manual Kerja Sulh JKSM yang telah diaplikasikan di seluruh mahkamah syariah di Malaysia. Tujuan pengenalan Manual Kerja Sulh ini adalah bertujuan untuk menjelaskan dengan lebih terperinci beberapa hal yang berikut: I. Proses untuk memulakan Majlis Sulh; II. Pembentangan kes oleh pihak-pihak yang bertikai; III. Perbincangan bersama; IV. Pertemuan sebelah pihak atau kaukus; V. Perundingan bersama; VI. Penghakiman berasaskan persetujuan; VII. Kerahsian (Manual Kerja Sulh, 2002).

### **Peruntukan Undang-undang**

Situasi perkembangan pandemik Coronavirus yang melanda dunia secara meluas pada awal tahun 2020 telah membawa kepada norma baharu di dalam kehidupan termasuk dalam pengendalian mediasi atau Sulh di mahkamah dengan mengutamakan aspek keselamatan. Sehubungan dengan itu satu garis panduan yang seragam menjadi satu keperluan bagi mengadakan sesi Sulh secara dalam talian yang mematuhi SOP yang digariskan. Tatacara pengendalian Sulh ini bermula dengan pihak-pihak membuat permohonan untuk menghadiri sesi Sulh dengan mengisi borang di atas talian menggunakan email rasmi Mahkamah Syariah yang berkaitan. Pemakluman tentang kelulusan, tarikh Sulh yang ditetapkan turut dan syarat-syarat bagi menghadiri sesi Sulh tersebut dibuat melalui emel (Nurzakiah Ramlee & et al, 2022).

Punca kuasa bagi melaksanakan Majlis Sulh boleh dilihat dalam Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor (2022) yang menyatakan bahawa;

*Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan Sulh bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak.*

Dalam menerangkan tatacara pelaksanaan Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah menggariskan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) berkaitan pelaksanaan Sulh (Hasnizam Bin Hashim, Maizatul Farishah & et al, 2021);

- i) Dalam Arahan Amalan No. 1/2000 (Kod Pendaftaran Kes) memperuntukkan bahawa mulai 1 Julai 2001, semua kes-kes Mahkamah Syariah hendaklah didaftarkan menurut Kod Pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan di dalam Jadual. Tujuan mengadakan kod pendaftaran ini adalah untuk memudahkan pengenalan kes-kes di Mahkamah, memudahkan penyediaan perangkaan, dan memudahkan Mahkamah menetapkan kes-kes untuk dibicarakan. Arahan Amalan No. 1/2000 ini juga menyatakan bahawa semua*



pertanyaan berkenaan dengan pelaksanaan Arahan Amalan ini hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

- ii) Arahan Amalan JKSM No. 3/2002 (Pemakaian Sulh) memperuntukkan bahawa semua kes selepas didaftarkan, hendaklah dengan seberapa segera tidak melebihi 21 hari dirujuk kepada Pengerusi Majlis Sulh dengan memanggil pihak-pihak yang terlibat untuk sesi Sulh/ penyelesaian damai dan sebarang persetujuan yang dicapai hendaklah dicatatkan dan dibacakan semula di hadapan pihak-pihak dan terus dipanjangkan kepada Hakim untuk direkodkan Perintah Persetujuan Bersama. Bagi kes yang gagal di peringkat ini, hendaklah terus ditetapkan tarikh perbicaraan setelah semua prosiding kes dipenuhi. Bagi maksud pemakaian sistem Sulh ini ianya tidak terpakai ke atas kes-kes pembubaran perkahwinan dan nasab.
- iii) persetujuan tersebut tidak boleh ditarik balik atau dirayu oleh mana-mana pihak. Arahan Amalan Bilangan 5 Tahun 2006 dimansuhkan.
- iv) Arahan Amalan JKSM 2/2012 (Perjanjian Penyelesaian/ Persetujuan yang dibuat oleh Peguam Syarie atau Pihak-Pihak) bersetuju dan mengesahkan bahawa bagi kes-kes yang disertakan perjanjian penyelesaian/ persetujuan yang dibuat oleh peguam atau pihak-pihak tidak perlu dirujuk ke Majlis Sulh di peringkat Pendaftaran. Arahan Amalan ini juga hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No.1 Tahun 2010.
- v) Arahan Amalan JKSM 1/2010 (Penentuan Kes Yang Perlu Dirujuk Ke Majlis Sulh Pada Peringkat Pendaftaran Kes) menyatakan bahawa kes-kes yang dinyatakan di bawah ini perlu dirujuk ke Majlis Sulh semasa peringkat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah.
- vi) Dalam Arahan Amalan No. 1/2000 (Kod Pendaftaran Kes) memperuntukkan bahawa mulai 1 Julai 2001, semua kes-kes Mahkamah Syariah hendaklah didaftarkan menurut Kod Pendaftaran sebagaimana yang ditetapkan di dalam Jadual. Tujuan mengadakan kod pendaftaran ini adalah untuk memudahkan pengenalan kes-kes di Mahkamah,



memudahkan penyediaan perangkaan, dan memudahkan Mahkamah menetapkan kes-kes untk dibicarakan. Arahan Amalan No. 1/2000 ini juga menyatakan bahawa semua pertanyaan berkenaan dengan pelaksanaan Arahan Amalan ini hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

- vii) Arahan Amalan JKSM No. 3/2002 (Pemakaian Sulh) memperuntukkan bahawa semua kes selepas didaftarkan, hendaklah dengan seberapa segera tidak melebihi 21 hari dirujukkan kepada Pengerusi Majlis Sulh dengan memanggil pihak-pihak yang terlibat untuk sesi Sulh/ penyelesaian damai dan sebarang persetujuan yang dicapai hendaklah dicatatkan dan dibacakan semula di hadapan pihak-pihak dan terus dipanjangkan kepada Hakim untuk direkodkan Perintah Persetujuan Bersama. Bagi kes yang gagal di peringkat ini, hendaklah terus ditetapkan tarikh perbicaraan setelah semua prosiding kes dipenuhi. Bagi maksud pemakaian sistem Sulh ini ianya tidak terpakai ke atas kes-kes Pembubaran Perkahwinan dan Nasab.
- viii) Arahan Amalan JKSM No. 7/2003 (Cara Menyimpan dan Melupuskan Catatan Pegawai Sulh) menjelaskan bahawa cara menyimpan dan melupuskan catatan Pegawai Sulh dalam Majlis Sulh hendaklah mengikut Akta Arkib Negara 2003 dalam perkara Rekod Awam.
- ix) Arahan Amalan JKSM No. 8/2003 (Prosedur Penyerahan Notis Sulh) menyatakan prosedur penyerahan Notis Sulh kepada pihak-pihak di dalam Majlis Sulh hendaklah mengikut prosedur penyerahan saman sebagaimana yang terdapat dalam Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri. Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2003.
- x) Arahan Amalan JKSM No. 11/2005 (Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah Merekodkan Sulh dan Persetujuan Bersama) telah bersetuju bahawa Mahkamah Rendah Syariah hendaklah merekodkan apa-apa terma Persetujuan Bersama dan/ atau Sulh tetapi tidak boleh mengendorskan dalam kes-kes yang mana bidang kuasanya adalah termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2005.



- xi) Arahan Amalan JKSM No. 15/2005 (Menggugurkan Nafkah 'Iddah, Mut'ah, Nafkah Anak dan Hadhanah dalam Perjanjian Persetujuan) bersetuju dan mengesahkan bahawa perjanjian-perjanjian persetujuan bersama atau perjanjian semasa Majlis Sulh tidak boleh menggugurkan hak-hak isteri yang belum disabitkan melalui talaq iaitu nafkah 'iddah dan mut'ah, dan hak anak iaitu hadhanah dan nafkah anak.*
- xii) Arahan Amalan JKSM No. 4/2006 (Perintah Perjanjian Persetujuan Sulh) menyatakan bahawa mana-mana perjanjian persetujuan Sulh tidak boleh dilaksanakan atau dikuatkuasakan tanpa terlebih dahulu memperolehi perintah Mahkamah. Jika kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan hendaklah menyediakan draf persetujuan dan mengemukakannya kepada pihak-pihak untuk disahkan dan ditandatangani, selepas itu Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman persetujuan. Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2006.*
- xiii) Arahan Amalan JKSM No. 4/2011 (Kesan Perjanjian Persetujuan Sulh) mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berkaitan kesan perjanjian persetujuan Sulh yang menepati kehendak Hukum Syarak yang telah direkodkan, disahkan dan dijadikan perintah Mahkamah. Perintah persetujuan tersebut tidak boleh ditarik balik atau dirayu oleh mana-mana pihak. Arahan Amalan Bilangan 5 Tahun 2006 dimansuhkan.*
- xiv) Arahan Amalan JKSM 2/2012 (Perjanjian Penyelesaian/ Persetujuan yang dibuat oleh Peguam Syarie atau Pihak-Pihak) bersetuju dan mengesahkan bahawa bagi kes-kes yang disertakan perjanjian penyelesaian/ persetujuan yang dibuat oleh peguam atau pihak-pihak tidak perlu dirujuk ke Majlis Sulh di peringkat Pendaftaran. Arahan Amalan ini juga hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan No.1 Tahun 2010.*
- xv) Arahan Amalan JKSM 1/2010 (Penentuan Kes Yang Perlu Dirujuk Ke Majlis Sulh Pada Peringkat Pendaftaran Kes) menyatakan bahawa kes-kes yang dinyatakan di bawah ini perlu dirujuk ke Majlis Sulh semasa peringkat pendaftaran kes*



di Mahkamah Syariah.

- xvi) Arahan Amalan JKSM 6/2020 Keutamaan Pengendorsan Melalui Laluan Pantas Perjanjian Persetujuan yang berjaya diselesaikan melalui Majlis Sulh.
- xvii) Arahan Amalan No. 2 Tahun 2021 Garis Panduan Pengendalian Kes Mal di Mahkamah Syariah melalui teknologi komunikasi jarak jauh

### **Sulh Norma Baharu di Mahkamah Syariah**

Sulh norma baharu adalah Sulh yang dilaksanakan secara dalam talian iaitu menggunakan talian yang sesuai dengan pihak-pihak yang bertikai bermula negara Malaysia dilanda Covid-19 dan ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

*PS 1: Sulh norma baharu ni..... mula dilaksanakan apabila Malaysia di landa wabak Covid-19 ....sehingga menyebabkan pentadbiran dan pengurusan institusi kehakiman syariah juga terganggu. Oleh itu, kerajaan mengambil langkah susulan dengan menghentikan operasi bagi perkhidmatan dan institusi Mahkamah Syariah ini turut terkena tempias menyebabkan begitu banyak kes-kes terpaksa di tangguhkan.....*

Selainnya, inisiatif pelaksanaan Sulh dalam talian ini bagi membudayakan norma baharu yang disarankan kerajaan Malaysia ketika itu. Justeru, Mahkamah Syariah telah menerima impak yang besar apabila jadual kes terpaksa di tangguhkan dan menyebabkan berlakunya lambakan kes. Walaubagaimanapun, Mahkamah Syariah hakikatnya telah bersedia untuk menggunakan aplikasi teknologi dalam sistem pengurusannya apabila telah mula melaksanakan pendaftaran kes melalui portal E-Syariah.

*PS 1: Pada masa itu, mahkamah syariah juga mengalami impak besar..kes ditangguhkan....Jadi, suatu kaedah perbicaraan atas talian mula dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah bagi mengelakkan kes-kes ini.. ditangguhkan.*

*Namun,....pengurusan atas talian ini bukanlah sesuatu yang baharu kepada Mahkamah Syariah kerana proses pendaftaran kes telah dijalankan secara atas talian melalui E-Syariah. Namun begitu,*



*dalam konteks perbicaraan secara dalam talian  
masih belum pernah dijalankan*

Justeru, pada 25 Julai 2022 Negeri Selangor merupakan negeri yang terawal dalam mengaplikasikan komunikasi jarak jauh atau dalam talian dalam prosiding mahkamah dengan meluluskan dua pindaan Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan pentadbiran agama Islam bagi memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk menjalankan prosiding kes secara teknologi komunikasi jarak jauh (Berita Harian, 2022). Antara peruntukan yang dipinda dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2022 yang menambah peruntukan seksyen 72A dengan memperuntukkan :-

*(1) Tanpa menjejaskan seksyen 72, Mahkamah boleh, demi kepentingan keadilan, mendengar dan memutuskan apa-apa prosiding melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh dari mana-mana tempat. (2) Tempat di mana Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah mengendalikan apa-apa prosiding secara teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah disifatkan sebagai dijalankan dalam bidang kuasa tempatan mahkamah itu seperti yang ditubuhkan di bawah seksyen 55.*

*(3) Bagi maksud seksyen ini— (a) “teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya apa-apa cara komunikasi elektronik termasuk e-mel, aplikasi sidang video atau rangkaian video atau apa-apa saluran digital lain yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah; dan (b) “tempat” termasuklah ruang siber, ruang maya atau tempat maya.”*

Berdasarkan peruntukan tersebut, sekaligus menjadi punca kuasa terhadap Mahkamah Syariah dalam melaksanakan prosiding mahkamah secara dalam talian. Selain itu, pindaan Seksyen 119A Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2022 turut memperuntukkan bahawa:-

*(1) Walau apa pun seksyen 119, apa-apa prosiding boleh, demi kepentingan keadilan, didengar dan diputuskan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh dari mana-mana tempat.*

*(2) Bagi maksud subseksyen (1), pihak-pihak hendaklah berada di tempat yang dibenarkan oleh Mahkamah.*

*(3) Dalam seksyen ini, “tempat” termasuklah ruang siber, ruang maya atau tempat maya.”.*

Seterusnya, susulan situasi pandemik Covid-19, “Garis Panduan Pengendalian Majlis Sulh Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh (GPTKJJ)” di Mahkamah Syariah telah diperkenalkan oleh JKSM untuk digunakan dalam Majlis Sulh di Mahkamah melalui Arahan Amalan No. 2 Tahun 2021. Arahan Amalan tersebut diwujudkan dalam tempoh



pandemik covid-19 bagi memastikan prosiding kes Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dapat diteruskan melalui teknologi komunikasi jarak jauh. Dalam garis panduan ini 'Teknologi Komunikasi Jarak Jauh (TKJJ)' merujuk kepada pautan secara langsung melalui video atau televisyen atau apa-apa cara komunikasi elektronik lain. Manakala 'Platform Digital' merujuk kepada saluran teknologi komunikasi jarak jauh termasuk e-mel, aplikasi siding video atau rangkaian video atau saluran digital lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah (Hendun Abd Rahman & et al., 2022) dan pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian.

*PS 1: Dalam kaedah Sulh norma baharu ini, pihak-pihak di beri pilihan.....dalam memilih medium yang sesuai untuk melakukan Sulh secara dalam talian sama ada melalui telefon bimbit, google meet, zoom, webex dan seumpamanya....*

*Pihak-pihak yang bertikai akan di berikan pautan beserta dengan tarikh oleh pihak mahkamah..... Sekiranya pada waktu yang ditetapkan berlakunya gangguan internet, maka mahkamah akan menangguhkan prosiding Sulh ke tarikh yang lain.*

Garis panduan ini boleh digunakan sekiranya berlaku apa-apa musibah yang menyebabkan Majlis Sulh tidak dapat dilaksanakan secara fizikal bagi mengelakkan berlaku penangguhan dan kelewatan kes-kes di mahkamah Syariah. Sesi Sulh dan mediasi yang dijalankan secara atas talian adalah fleksibel oleh itu pihak-pihak boleh menjalani Sulh di mana-mana sahaja asalkan tidak melanggar garis panduan dan manual kerja Sulh yang telah ditetapkan oleh Mahkamah. Walau bagaimana pun pengendalian kes-kes Sulh melalui TKJJ ini tertakluk dengan kebenaran mahkamah dan keutamaan bagi kes-kes yang mempunyai persetujuan bersama. Selain menjalankan Majlis Sulh secara dalam talian sepenuhnya, mahkamah juga boleh mempertimbangkan untuk menjalankannya secara hibrid dengan menggabungkan penggunaan teknologi dan juga fizikal. Namun, ada juga kekangan yang dihadapi dalam mengurustadbir teknologi ini apabila wujudnya gangguan internet yang mengakibatkan prosiding terpaksa ditangguhkan ke tarikh lain (Hendun Abd Rahman & et al., 2022).

Selain itu, menerusi kenyataan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), memaklumkan bahawa perbicaraan yang dilaksanakan secara dalam talian adalah bergantung pada permohonan pihak plaintif dan defendan serta dengan kebenaran hakim (Norzamira Che Noh, 2020). Tambahan pula, perbicaraan dalam talian ini dilakukan melalui kemudahan sidang video yang dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sekaligus menjadi salah satu daripada norma baharu yang diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), bagi membantu kerajaan membendung wabak Covid-19 yang melanda dalam negara ini.



## Prosedur Sulh Norma Baharu

Praktis pelaksanaan Majlis Sulh dalam talian adalah sama dengan pelaksanaan secara fizikal dengan merujuk kepada Manual Kerja Sulh yang digariskan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Manual Kerja Sulh memperincikan bagaimana Pegawai Sulh menjalankan perundingan dalam Majlis Sulh setelah kes di serahkan kepadanya bermula daripada kehadiran pihak-pihak ke Majlis Sulh sehingga selesai perundingan sama ada berjaya atau gagal. Seterusnya dinyatakan pula tindakan Pegawai Sulh bagi tindakan akhir sama ada mengendorskan kes di hadapan hakim perbicaraan (Sulh berjaya) atau menetapkan tarikh sebutan (Sulh gagal).

Perkara yang membezakan antara Majlis Sulh biasa dan Majlis Sulh norma baharu adalah dari segi kehadiran pihak-pihak sama ada melalui fizikal atau melalui teknologi jarak jauh. Langkah-langkah yang telah digariskan melalui Manual Kerja Sulh Mahkamah Syariah atau Jabatan Kehakiman Syariah negeri-negeri adalah seperti berikut (Manual Kerja Sulh, 2002);

1. Kenyataan Awal (*al-Taaruf*) Pegawai Sulh;
2. Pembentangan Awal Pihak yang Bertikai
3. Perbincangan Bersama;
4. Pertemuan Sebelah Pihak (Kaukus);
5. Perundingan Bersama;
6. Penghakiman Berasaskan Persetujuan;
7. Kes Diserahkan Kembali

Seterusnya, Mahkamah Syariah dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan berkualiti dan memuaskan pelanggan, pelaksanaan Sulh norma baharu ini akan dilaksanakan dengan kesediaan pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding dan kebenaran hakim perbicaraan.

*PS 1: Pelaksanaan Sulh secara dalam talian ini bergantung kepada permintaan pihak-pihak yang bertikai. Sekiranya kedua-dua bersetuju...dalam melaksanakan Sulh secara dalam talian maka bolehlah dilaksanakan.....*

*Malah kebenaran hakim juga diambil kira dalam memersetujui pelaksanaan Sulh dalam talian ni.... Kalau salah satu pihak enggan dan tidak bersetuju..kita tidak akan melaksanakannya secara dalam talian. Ianya mengambil kira kepada kehendak pihak-pihak terlebih dahulu....*

Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah berjaya melaksanakan 161 kes Sulh secara dalam talian (BH Online, 2022). Dalam temubual bersama Bahagian Penyelesaian Alternatif, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah



memaklumkan bahawa setakat Julai 2022 terdapat 59 jumlah kes Sulh yang selesai secara dalam talian. Namun, penulis tidak mempunyai data mengenai jenis kes yang dilaksanakan secara dalam talian kerana pendetailan tersebut tidak disertakan bersama semasa temubual dijalankan. Statistik yang di lampirkan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa Sulh norma baharu memberi impak yang positif serta satu alternatif yang efisien untuk orang awam menyelesaikan pertikaian yang memerlukan penyelesaian di Mahkamah Syariah dengan kadar segera.

Jadual 1: Jumlah Selesai Dalam Talian di Mahkamah-Mahkamah Syariah Selangor

BIL.	SENARAI NAMA MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR	JUMLAH KES SELESAI DALAM TALIAN
1	MTS B1	8
2	MTS B2	2
3	MTS B3	1
4	MTS B4	29
5	MTS B5	0
6	MTS B6	2
7	MTS B7	2
8	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SHAH ALAM	2
9	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH AMPANG	0
10	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PETALING	11
11	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH GOMBAK TIMUR	0
12	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH GOMBAK BARAT	0
13	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH HULU SELANGOR	0
14	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KLANG	2
15	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH HULU LANGAT	0
16	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA LANGAT	0
17	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEPANG	0
18	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA SELANGOR	0
19	MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SABAK BERNAM	0
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>59</b>

(Sumber : Temubual bersama Bahagian Penyelesaian Alternatif , Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), 2 September 2022)

### **Penglibatan Peguam Syarie dalam Majlis Sulh**

Arahan Amalan No 7 Tahun 2015 memperincikan berkenaan penyeragaman proses kerja dan carta aliran Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah negeri dan Mahkamah Syariah Negeri-negeri. Melalui proses kerja yang dinyatakan, peguam syarie tidak terlibat sepanjang pengendalian proses Sulh berlangsung. Pihak yang terlibat dalam Majlis Sulh adalah Pegawai Sulh, Plaintiff dan Defendan. Walau bagaimanapun, menjadi amalan kebiasaan proses pelantikan peguam syarie telah dibuat dari awal yang mana peguam syarie bertindak sebagai pihak yang menyediakan pliding (pernyataan tuntutan) berkenaan kes klien. Sudah tentunya, sesi runding cara telah



berlaku antara klien dan anak guam dan anak guam tersebut telah jelas berkenaan tuntutan dan kaedah penyelesaian kes beliau.

Malah sebelum pliding difailkan juga, proses pelantikan peguam syarie telah dibuat antara klien dan Peguam Syarie melalui wakalah dalam borang MS5 Enakmen Tatacara Mal Negeri-negeri. Dengan wakalah ini Peguam Syarie diperakui selaku pihak yang mewakili kelayan dan hadir dalam prosiding melibatkan kelayan dalam kes tersebut. Justeru, adalah dicadangkan peguam syarie juga boleh dilibatkan bersama dalam Majlis Sulh tersebut selaku pemerhati. Tujuan kehadiran peguam syarie adalah bagi mendengar sesi perjalanan Majlis Sulh supaya peguam syarie tersebut dapat memastikan keadilan dicapai sejajar dengan kehendak kelayan sebagaimana yang telah dibincangkan terlebih dahulu. Ianya tidaklah membawa maksud, Pegawai Sulh gagal dalam memberikan keadilan kepada kelayan. Penglibatan peguam syarie dirasakan lebih sesuai kerana kluatir kelayan pada ketika itu telah menjadi terkeliru dengan keadaan situasi yang agak tegang atau dingin dan masing-masing hanya menginginkan kes diselesaikan dengan segera. Sekurang-kurangnya peguam syarie yang ada disitu boleh menenangkan klien dan menyakinkan klien bahawa keputusan yang dicadangkan tersebut adalah keputusan yang baik dan sekaligus mempercepatkan penyelesaian kes di Mahkamah Syariah. Praktis yang sama juga boleh dilaksanakan sekiranya prosiding dijalankan secara dalam talian.

Walau bagaimanapun, satu arahan amalan atau garis panduan boleh dibentuk bagi memperincikan hal ini supaya pihak Pegawai Sulh tidak merasakan tugas dan kuasa mereka terganggu sepanjang prosiding Sulh dijalankan.

## **CADANGAN DAN SARANAN**

Dengan kehadiran wabak Covid-19 dan kehidupan norma baharu, Mahkamah Syariah giat mengambil langkah yang lebih cekap bagi mengatasi lambakan kes dengan memanfaatkan teknologi yang sedia ada. Ianya selaras dengan ucapan mantan YAB Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin sewaktu merasmikan Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara 2020 pada 29 September 2020 di Hotel Movenpick, Selangor. Dalam ucapannya, mantan Perdana Menteri menyarankan penggunaan teknologi baharu hendaklah diberi kebiasaan baharu (new normal) (Ruzita Ramli & Dina Imam Supaat, 2020). Tanpa teknologi, pentadbiran perundangan syariah akan terganggu dan tidak dapat berfungsi dengan baik. Selainnya, pentadbiran kehakiman syariah boleh terencat dan seterusnya menghalang pelaksanaan keadilan yang merupakan satu tuntutan agama. Ini merupakan salah satu dari kebiasaan baharu dalam pentadbiran kehakiman syariah yang mesti diberi tumpuan dalam memperkasakan Mahkamah Syariah. Walaubagaimanapun, sehingga kini proses Sulh dilihat masih cenderung secara konvensional iaitu kehadiran secara fizikal bagi membincangkan pertikaian kecuali adanya persetujuan kedua-dua pihak untuk dijalankan secara dalam talian (Mohd Na'im, 2020).



Oleh yang demikian, semasa melaksanakan Majlis Sulh, pegawai Sulh juga dicadangkan dibantu oleh pegawai teknologi semasa prosiding Sulh sedang dikendalikan. Hal ini kerana, ketiadaan pegawai teknologi sewaktu proses Sulh berjalan akan mendatangkan kesukaran kepada pegawai Sulh kerana mereka tiada kepakaran dalam bidang teknologi. Majlis Sulh juga difahami tidak boleh dihadiri oleh pihak lain demi mengelakkan terdedahnya perkara aib dan perbincangan sulit antara pihak-pihak. Namun cadangan melibatkan bersama pegawai teknologi ini adalah di luar aplikasi dan dalam mod bersedia memantau sepanjang masa perjalanan Majlis Sulh tersebut. Budaya kerja kini telah berubah dan Mahkamah Syariah perlu bersedia keluar dari amalan rutin biasa serta menyediakan fasiliti dan peralatan yang sesuai sebagai langkah untuk memastikan operasi di mahkamah syariah berjalan lancar secara optimum.

Penulis juga mencadangkan supaya penguatkuasaan notis kehadiran ke Majlis Sulh perlulah disertakan sekali dengan maklumat mengenai proses Sulh norma baharu. Berdasarkan temu bual dan pemerhatian terhadap kes-kes Sulh yang telah dilaksanakan, kes-kes yang tidak berjaya kebanyakannya adalah disebabkan kegagalan pihak yang menghadiri Majlis Sulh dalam masa yang ditetapkan. Bagi menangani masalah ini, maklumat mengenai proses Sulh norma baharu dan prosedur yang terlibat boleh disertakan bersama-sama notis untuk hadir ke proses Sulh. Sekaligus hal ini dapat memberi kefahaman kepada pihak-pihak bahawa proses Sulh norma baharu ini memberi peluang kepada pihak-pihak menyelesaikan perselisihan tanpa perlu melalui proses perbicaraan di mahkamah. Seterusnya ianya menampakkan bahawa pelaksanaan Sulh norma baharu ini tidaklah terhad hanya kepada isu pandemik dan Covid-19 semata-mata namun diperhalusi juga penggunaan dalam kes-kes kecemasan dan kesukaran salah satu pihak untuk hadir ekoran tempat tinggal yang jauh dengan mahkamah dan kekangan kerja.

PS 2: *Kefahaman pihak yang terlibat dalam proses Sulh ini amat penting.....kerana dengan kefahaman dapat memastikan Sulh ini capai objektif yang telah ditetapkan.*  
*Walaupun bagaimanapun pihak-pihak seharusnya diberikan penjelasan yang betul supaya pelaksanaan Sulh norma baharu atau dalam talian ini memuaskan hati kedua belah pihak dan tidak ada unsur terpaksa menerima pelaksanaan Majlis Sulh dalam talian ekoran ingin kes diselesaikan dengan kadar segera. Namun, kemudiannya membangkitkan isu tidak berpuas hati dengan pelaksanaan Majlis Sulh dalam talian tersebut. Perkara yang paling penting juga adalah orang awam dijelaskan bahawa Mahkamah Syariah hanya boleh melaksanakan Sulh dalam talian sekiranya di minta oleh pihak-pihak yang bertikai dan kesemua pihak bersetuju.*



## KESIMPULAN

Kaedah Sulh norma baharu merupakan mekanisme yang sangat bagus dalam membantu dan mendidik pihak-pihak yang bertikai untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi tanpa melibatkan pengabaian tanggungjawab yang berpanjangan terhadap suami atau isteri mahupun anak. Proses Sulh norma baharu juga merupakan alternatif penyelesaian yang mempunyai banyak kebaikan dalam proses penyelesaian pertikaian. Hal ini kerana cirinya yang mudah, cepat dan menjimatkan kos berbanding dengan perbicaraan yang kompleks, memakan masa yang lama serta kos yang tinggi. Pihak-pihak yang bertikai hendaklah amanah dalam memenuhi tanggungjawabnya dan kemahuan untuk menyelesaikan pertikaian yang timbul serta mempunyai sikap yang terbuka. Manakala bagi pihak yang mengendalikan Majlis Sulh iaitu Pegawai Sulh, mereka hendaklah berusaha sebaik yang mungkin bagi memastikan kejayaan Sulh ini dengan memahami dan berpegang kepada etika-etika Sulh yang telah ditetapkan oleh Islam dan diperuntukkan di bawah undang-undang. Pendekatan Sulh dan perdamaian hendaklah dipraktikkan dalam masyarakat bagi melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni dan bertoleransi. Perkembangan terkini, iaitu penggunaan Sulh norma baharu yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor merupakan satu perkembangan yang positif ke arah meningkatkan lagi identiti Mahkamah Syariah di mata masyarakat sebagai tempat mencari keadilan dan menyelesaikan pertikaian. Di harapkan agar dengan wujudnya Sulh secara talian ini dapat memudahkan pihak-pihak untuk hadir ke Majlis Sulh bagi menyelesaikan pertikaian secara harmoni.

## PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Penganjur 6<sup>th</sup> Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2022 (MFIFC 2022) atas penajaan yuran penerbitan dalam Journal of Muwafaqat.

## RUJUKAN

- Azidah Yaakob, Mohammad Zaharuddin Zakaria, Asmidah Ahmad, Kamilah Wati Mohd, Mustafa 'Afifi Ab Halim. 2016. *Pengenalan Dan Keberkesanan Sulh Di Mahkamah Syariah*. USIM Press: Universiti Sains Islam Malaysia.
- BH Online. 2022. Selangor Luluskan Ruu Prosiding Mahkamah Syariah Dalam Talian. [dalam talian]. Dilayari dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/980211/> (akses pada 20 November 2022).
- Hasnizam Bin Hashim, Maizatul Farishah Binti Mohd Mokhtar, Norman Zakiyy Chow Jen T'chiang. 2021. Mekanisme Pelaksanaan Majlis Sulh Di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 "Wawasan Kemakmuran Bersama 2030". Universiti Sains Islam Malaysia.



Hendun Abd Rahman & et al. (2022). Sulh dan Mediasi Dalam Talian dalam Konflik Kekeluargaan di Mahkamah Syariah Malaysia: Prospek dan Cabaran Norma Baharu. *Ulum Islamiyyah Journal*.

Mohd Fuad Salleh. 2008. *Peranan Pegawai Sulh dalam Penyelesaian Konflik Keluarga Islam*. *Journal of Syariah Law Research*. Vol. 4 (1).

Mohd Na'im bin Hj Mokhtar. 2020. *Reformation of Syariah Judiciary Institution During Covid-19 Pandemic*. Inslia E-Prosiding. Universiti Sains Islam Malaysia.

Nora Abdul Hak Sa'odah Ahmad, Umar A. Oseni. 2011. *Alternative Dispute Resolution (ADR) in Islam*. IIUM Press.

Norzamira Che Noh. 2020. Perbicaraan Kes Tuntutan Cerai Dalam Talian. [dalam talian].

Dilayari dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/698972/perbicaraan-kes-tuntutan-cerai-dalam-talian> (akses pada 18 November 2022).

Nurzakiah Ramlee, Nurul Hikmah & Mohd Bukhari, 2022. Amalan Sulh dalam Norma Baharu di Brunei dan Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23 (2). Universiti Sultan Zainal Abidin.

Ruzita Ramli, Dina Imam Supaat & Hasnizam Hashim. 2020. Kebiasaan Baharu (New Normal) Dalam Pelaksanaan Sulh Kes Hadhanah Dan Nafkah Anak: Inslia E-Prosiding. Universiti Sains Islam Malaysia.

Siti Noraini Binti Haji Mohd Ali, Zulkifli Hasan. 2008. Perlaksanaan Sulh Dan Keberkesannya di Mahkamah Syariah Selangor. *Journal of Syariah Law Research*. Vol. 4 (1).

Syed Khalid Rashid. 2006. *Alternatif Dispute Resolution In Malaysia*. Kulliyah of Laws, IIUM: Kuala Lumpur.

Temubual bersama PS 1, Datin Siti Maszuriyati Binti Aziz, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Sulh, BPKR, JKSM pada 12/08/2022 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Temubual bersama PS 2, Tuan Fairus Bin Jaafar, Ketua Bahagian Penyelesaian Alternatif, pada 02/09/2022 di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS).

Arahan Amalan JKSM No. 1/2000 (Kod Pendaftaran Kes).

Arahan Amalan JKSM No. 3/2002 (Pemakaian Sulh).

Arahan Amalan JKSM No. 7/2003 (Cara Menyimpan dan Melupuskan Catatan Pegawai Sulh).

Arahan Amalan JKSM No. 8/2003 (Prosedur Penyerahan Notis Sulh).



The current issue and full text archive of this journal is available at  
<https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>

Arahan Amalan JKSM No. 11/2005 (Bidang Kuasa Mahkamah Rendah Syariah Merekodkan Sulh dan Persetujuan Bersama).

Arahan Amalan JKSM No. 15/2005 (Menggugurkan Nafkah 'Iddah, Mut'ah, Nafkah Anak dan Hadhanah dalam Perjanjian Persetujuan).

Arahan Amalan JKSM No. 4/2006 (Perintah Perjanjian Persetujuan Sulh).

Arahan Amalan JKSM 1/2010 (Penentuan Kes Yang Perlu Dirujuk Ke Majlis Sulh Pada Peringkat Pendaftaran Kes).

Arahan Amalan JKSM No. 4/2011 (Kesan Perjanjian Persetujuan Sulh).

Arahan Amalan JKSM 2/2012 (Perjanjian Penyelesaian/ Persetujuan yang dibuat oleh Peguam Syarie atau Pihak-Pihak).

Arahan Amalan JKSM 2/2012 (Perjanjian Penyelesaian/ Persetujuan yang dibuat oleh Peguam Syarie atau Pihak-Pihak).

Arahan Amalan JKSM 7/2015 (Penyeragaman Proses Kerja Dan Carta Aliran Sulh).

Manual Kerja Sulh JKSM Tahun 2002